

KAJIAN SEMULA KADAR CUKAI PENDAPATAN SYARIKAT

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, kadar cukai pendapatan syarikat adalah 28%. Kadar ini juga dikenakan kepada entiti berikut:

- i. badan amanah;
- ii. pentadbir harta pusaka bagi individu yang berdomisil di luar Malaysia semasa kematiannya; dan
- iii. penerima yang dilantik oleh mahkamah.

Bagi syarikat kecil dan sederhana yang mempunyai modal berbayar tidak melebihi RM2.5 juta, kadar cukainya adalah 20% ke atas pendapatan bercukai sehingga RM500,000 dan pendapatan selebihnya pada kadar 28%.

Cadangan

Sebagai langkah untuk meningkatkan daya saing negara, adalah dicadangkan kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan secara berperingkat sebanyak 2 mata peratusan. Bagi tahun taksiran 2007, kadarnya adalah 27% termasuk bagi syarikat kecil dan sederhana. Kadar baru ini juga terpakai bagi entiti berikut:

- i. badan amanah;
- ii. pentadbir harta pusaka bagi individu yang berdomisil di luar Malaysia semasa kematiannya; dan
- iii. penerima yang dilantik oleh mahkamah.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

LAMPIRAN 2

MENAMBAH BAIK GALAKAN BAGI INDUSTRI MODAL TEROKA

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat modal teroka mempunyai opsyen untuk memilih antara galakan berikut:

- i. pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun sekiranya ia melabur sekurang-kurangnya 70% daripada dana pelaburannya dalam syarikat teroka dalam bentuk *seed capital*, *start-up* atau *early stage financing*; atau
- ii. potongan bagi maksud cukai pendapatan bersamaan dengan nilai pelaburan yang dibuat dalam syarikat teroka.

Cadangan

Bagi meningkatkan pembiayaan *seed capital*, adalah dicadangkan syarikat modal teroka diberi pengecualian cukai pendapatan selama 10 tahun bagi pelaburan sekurang-kurangnya 50% daripada dana pelaburannya dalam syarikat teroka dalam bentuk *seed capital*.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

LAMPIRAN 3

KAJIAN SEMULA PENALTI KE ATAS CUKAI PEGANGAN

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, bayaran kepada bukan pemastautin seperti faedah, royalti, sewa dan fi teknikal dikenakan cukai pegangan. Bagi cukai pegangan yang tidak dibayar, penalti dikenakan sebanyak 10% daripada jumlah bayaran sepenuhnya kepada bukan pemastautin.

Cadangan

Bagi mengurangkan kos kendalian perniagaan, adalah dicadangkan penalti cukai pegangan sebanyak 10% dikenakan ke atas jumlah cukai pegangan yang belum dibayar dan bukan ke atas jumlah bayaran sepenuhnya kepada bukan pemastautin.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 2 September 2006.

LAMPIRAN 4

LAYANAN CUKAI KE ATAS ZAKAT PERNIAGAAN YANG DIBAYAR OLEH KOPERASI DAN BADAN AMANAH

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, zakat yang dibayar oleh syarikat kepada pihak berkuasa agama Islam diberi potongan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, tertakluk kepada jumlah maksimum 2.5% daripada pendapatan agregat. Potongan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2005.

Walau bagaimanapun, zakat perniagaan yang dibayar oleh koperasi dan badan amanah tidak diberi potongan bagi maksud pengiraan cukai pendapatan.

Cadangan

Untuk menyamakan layanan cukai antara syarikat, koperasi dan badan amanah, adalah dicadangkan zakat perniagaan yang dibayar oleh koperasi dan badan amanah kepada pihak berkuasa agama Islam diberi potongan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, tertakluk kepada jumlah maksimum 2.5% daripada pendapatan agregat.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

LAMPIRAN 5

PENUBUHAN TRIBUNAL RAYUAN KASTAM

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, mana-mana pertikaian ke atas keputusan teknikal dan pentadbiran yang dibuat oleh Kastam DiRaja Malaysia boleh dirayu kepada

Menteri Kewangan. Kebanyakan pertikaian adalah berhubung kait dengan klasifikasi dan penilaian barang-barang dan perkhidmatan bercukai.

Cadangan

Untuk meningkatkan ketelusan dalam pentadbiran cukai, adalah dicadangkan supaya ditubuhkan sebuah badan bebas dikenali sebagai Tribunal Rayuan Kastam (TRK) bagi mempertimbangkan rayuan terhadap keputusan Ketua Pengarah Kastam mengenai percukaian di bawah Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan Akta Eksais 1976. Ciri-ciri utama dalam penubuhan TRK adalah seperti berikut:

- i. Tribunal ini akan terdiri tidak kurang dari tiga (3) Ahli yang mana Pengerusinya adalah dari perkhidmatan kehakiman dan perundangan dan Ahli lain terdiri dari mereka yang berpengalaman dalam hal percukaian atau perkastaman;
- ii. rayuan terhadap keputusan Ketua Pengarah Kastam boleh dikemukakan kepada TRK dalam tempoh 30 hari dari tarikh ia mendapat notifikasi keputusan tersebut; dan
- iii. keputusan Tribunal adalah muktamad kecuali bagi kes-kes tertentu yang boleh dirujuk kepada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Mac 2007.

LAMPIRAN 6

MEMPERKENALKAN KETETAPAN KASTAM

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, mana-mana orang boleh memohon kepada Kastam DiRaja Malaysia (KDRM) mengenai klasifikasi atau penilaian mana-mana barang atau perkhidmatan bagi menentukan kelas dan duti barangan tersebut atau layanan cukai terhadap perkhidmatan tersebut. Ketetapan yang diberi secara *ad hoc* selalunya tidak terikat serta menyeluruh dan mungkin tidak konsisten dari segi pemakaiannya di seluruh negara.

Cadangan

Bagi memberi kepastian dan keyakinan kepada sektor perniagaan dalam merancang urusniaganya, adalah dicadangkan supaya diperkenalkan Ketetapan

Kastam di bawah Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan Akta Eksais 1976. Ketetapan Kastam yang dikeluarkan oleh KDRM dan dipersetujui bersama oleh pemohon adalah sah dan terikat di antara kedua-dua pihak, untuk sesuatu tempoh yang ditetapkan.

Antara ciri-ciri utama Ketetapan Kastam yang akan diperkenalkan adalah seperti berikut:

- i. permohonan untuk sesuatu Ketetapan Kastam boleh dibuat berkenaan dengan klasifikasi barang, penentuan perkhidmatan bercukai, prinsip-prinsip yang diguna pakai bagi penentuan penilaian barang atau perkhidmatan;
- ii. permohonan perlu dibuat secara bertulis disertai maklumat lengkap dan bayaran fi;
- iii. permohonan boleh dibuat sebelum barang diimport atau perkhidmatan disediakan di mana KDRM akan mengeluarkan ketetapan awal;
- iv. Ketetapan Kastam hanya terpakai untuk pemohon sahaja; dan
- v. Ketua Pengarah Kastam boleh meminda, memperbetulkan atau membatalkan sesuatu Ketetapan sekiranya terdapat kesilapan seperti kesilapan taip atau salah guna rujukan, atau kesilapan fakta seperti menggunakan analisis ke atas barang yang tidak lengkap atau terdapat perubahan dalam perundangan yang membawa kepada struktur kod tarif yang baru.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007.

LAMPIRAN 7

MEMPERKENALKAN KETETAPAN AWAL DALAM PENTADBIRAN CUKAI PENDAPATAN

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, tiada peruntukan khas bagi mengeluarkan ketetapan awal di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengeluarkan Ketetapan Umum bagi memaklumkan interpretasi Ketua Pengarah yang mempunyai pemakaian secara umum berhubung peruntukan Akta. Sekiranya pembayar cukai tidak bersetuju dengan interpretasi tersebut, ia boleh memohon ketetapan persendirian.

Memandangkan Malaysia mengamalkan sistem taksir sendiri sepenuhnya, wajarlah LHDN memanjangkan perkhidmatannya bagi mengeluarkan ketetapan awal.

Cadangan

Bagi memberi penjelasan dan kepastian dalam interpretasi dan pemakaian undang-undang percukaian, adalah dicadangkan satu peruntukan khas diperkenalkan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi membolehkan pembayar cukai memohon ketetapan awal. Ketetapan awal ialah satu kenyataan bertulis oleh Ketua Pengarah berhubung layanan cukai terhadap suatu urusan atau transaksi yang akan dikendalikan oleh pembayar cukai. Ciri-ciri utama sistem ketetapan awal yang akan diperkenalkan adalah seperti berikut:

- i. permohonan perlu dibuat dalam borang yang ditetapkan;
- ii. permohonan untuk ketetapan awal akan dikenakan fi;
- iii. ketetapan awal hanya terpakai untuk pemohon sahaja;
- iv. ketetapan awal hendaklah berdasarkan fakta sebenar dan bukan berdasarkan andaian; dan
- v. ketetapan awal yang dikeluarkan oleh LHDN tidak terpakai sekiranya fakta yang digunakan semasa membuat ketetapan awal adalah salah atau berbeza.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007.

LAMPIRAN 8

RANGKAKERJA BAGI AUDIT CUKAI DAN PENYIASATAN OLEH LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

Kedudukan Semasa

Di bawah sistem taksir sendiri, audit cukai adalah aktiviti utama Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi meningkatkan pematuhan cukai secara sukarela. Pada masa ini, maklumat berhubung dengan audit cukai boleh diperoleh daripada "Panduan Audit Cukai LHDN".

Penyiasatan adalah aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh pusat penyiasatan, LHDN bagi membendung pelarian cukai. Pada masa ini, tiada garis panduan mengenai aktiviti penyiasatan dikeluarkan oleh LHDN.

Cadangan

Bagi mengekalkan dan mempertingkatkan kepercayaan awam dalam pentadbiran percukaian, adalah dicadangkan panduan audit cukai diperkemas dan rangka kerja bagi penyiasatan cukai dikeluarkan oleh LHDN. Perkara-perkara utama dalam panduan/rangka kerja tersebut adalah seperti berikut:

- i. kriteria pemilihan audit dan penyiasatan;
- ii. kaedah audit dan penyiasatan;
- iii. hak dan tanggungjawab pembayar cukai dan ejen cukai, pegawai audit dan penyiasatan;
- iv. penyelesaian audit dan penyiasatan; dan
- v. kesalahan dan penalti.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007.

LAMPIRAN 9

KAJIAN SEMULA TEMPOH LAYAK MENUNTUT PULANG BALIK CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN BERKAITAN HUTANG LAPUK

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang telah dijelaskan oleh pemegang lesen tetapi bayaran ke atas jualan barangan dan perkhidmatan berkenaan yang masih belum diterima daripada pelanggan, boleh diberi pulang balik sekiranya bayaran berkenaan dianggap sebagai hutang lapuk jika mematuhi kriteria berikut:

- i. pemegang lesen tidak dapat memungut hutang daripada pelanggan selepas tempoh 12 bulan daripada tarikh cukai dijelaskan; atau

- ii. pelanggan telah diisytiharkan muflis di bawah Akta Kebankrapan 1967; atau
- iii. pelanggan telah diletakkan di bawah penerimaan; atau
- iv. pelanggan telah diperintahkan oleh mahkamah untuk penggulungan; atau
- v. pemegang lesen telah memfailkan tuntutan ke mahkamah untuk menuntut hutang cukai berkenaan atau tindakan kebangkrapan telah difailkan di mahkamah terhadap pelanggan;

DAN

- vi. bayaran ke atas jualan barangan berkenaan telah dihapus kira dalam akaun pemegang lesen sebagai hutang lapuk.

Cadangan

Bagi membantu memperbaiki kedudukan aliran tunai dan mengurangkan kos kendalian perniagaan syarikat, adalah dicadangkan tempoh layak menuntut pulang balik cukai jualan dan cukai perkhidmatan berkaitan hutang lapuk dipendekkan daripada 12 bulan kepada 6 bulan selepas tarikh cukai dijelaskan. Cadangan ini melibatkan pindaan kepada kriteria berikut:

- a. kriteria (i) – tempoh dipendekkan daripada 12 bulan kepada 6 bulan; dan
- b. kriteria (vi) – mengadakan syarat baru di mana bayaran telah diperuntukkan sebagai hutang ragu dalam akaun pemegang lesen sebagai alternatif kepada syarat menghapus kira sebagai hutang lapuk seperti yang sedia ada.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007.

LAMPIRAN 10

KAJIAN SEMULA KOMPAUN ATAU DENDA BAGI KES KURANG IKRAR DAN PENYELUDUPAN BARANGAN BERDUTI TINGGI

Kedudukan Semasa

Di bawah peruntukan semasa, kesalahan kurang ikrar nilai barangan dan penyeludupan boleh dikenakan tindakan seperti berikut:

- I. kompaun tidak melebihi 10 kali ganda duti atau nilai barangan yang terlibat; atau
- II. denda jika dipertuduhkan di mahkamah dan disabitkan, selain daripada hukuman penjara, boleh dikenakan seperti berikut:
 - a. bagi barangan bercukai:
 - i. bagi kesalahan pertama, denda tidak kurang daripada 10 kali ganda duti atau RM50,000 yang mana lebih rendah dan tidak melebihi 20 kali ganda duti atau RM100,000 yang mana lebih tinggi; dan
 - ii. bagi kesalahan kedua atau seterusnya, denda tidak kurang daripada 10 kali ganda duti atau RM100,000 yang mana lebih rendah dan tidak melebihi 40 kali ganda duti atau RM500,000 yang mana lebih tinggi.
 - b. bagi barangan larangan:
 - i. bagi kesalahan pertama, denda tidak kurang daripada 10 kali ganda nilai barang atau RM50,000 yang mana lebih rendah dan tidak melebihi 20 kali ganda nilai barang atau RM100,000 yang mana lebih tinggi; dan
 - ii. bagi kesalahan kedua atau seterusnya, denda tidak kurang daripada 10 kali ganda nilai barang atau RM100,000 yang mana lebih rendah dan tidak melebihi 40 kali ganda nilai barang atau RM500,00 yang mana lebih tinggi.

Cadangan

Bagi menangani masalah kurang ikrar nilai barangan dan penyeludupan barangan berduti tinggi terutamanya kereta, rokok dan minuman keras, adalah dicadangkan:

- I. kompaun minimum ditetapkan 5 kali ganda daripada jumlah duti terlibat; dan
- II. hukuman denda diselaraskan dengan jumlah maksimum kompaun serta dikemas kini seperti berikut:
 - a. bagi barangan berduti:

- i. bagi kesalahan pertama, denda tidak kurang daripada 10 kali ganda duti dan tidak melebihi 20 kali ganda duti; dan
 - ii. bagi kesalahan kedua atau seterusnya, denda tidak kurang daripada 20 kali ganda duti dan tidak melebihi 40 kali ganda duti.
- b. bagi barangan larangan:
- i. bagi kesalahan pertama, denda tidak kurang daripada 10 kali ganda nilai barang dan tidak melebihi 20 kali ganda nilai barang; dan
 - ii. bagi kesalahan kedua atau seterusnya, denda tidak kurang daripada 20 kali ganda nilai barang dan tidak melebihi 40 kali ganda nilai barang.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007.

LAMPIRAN 11

KAJIAN SEMULA GALAKAN BAGI INDUSTRI BIOTEKNOLOGI

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat yang terlibat dalam industri bioteknologi layak mendapat galakan cukai berikut:

- I. syarikat yang menjalankan aktiviti bioteknologi yang diluluskan status bionexus oleh Perbadanan Bioteknologi Malaysia Sdn. Bhd. layak mendapat galakan berikut:
 - i. pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% selama 10 tahun bermula dari tarikh syarikat membuat pengeluaran komersial ATAU Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal layak yang dilakukan dalam tempoh 5 tahun;
 - ii. pengecualian cukai ke atas dividen yang diagihkan oleh syarikat bionexus;
 - iii. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah/komponen dan mesin/peralatan;

- iv. potongan dua kali ke atas perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan; dan
- v. potongan dua kali ke atas perbelanjaan untuk promosi eksport;

DAN

- II. syarikat yang melabur dalam subsidiarinya yang bertaraf bionexus diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat tersebut dengan syarat syarikat yang melabur memiliki sekurang-kurangnya 70% ekuiti dalam subsidiari tersebut.

Cadangan

Bagi terus memajukan industri bioteknologi, adalah dicadangkan:

- I. Galakan sedia ada di perenggan I(i) ditambah baik dengan meminda tarikh permulaan tempoh pengecualian daripada tarikh syarikat membuat pengeluaran komersial kepada tahun pertama syarikat memperoleh keuntungan;
- II. Galakan baru diperkenalkan seperti berikut:
 - i. syarikat bionexus dikenakan kadar cukai konsesi 20% ke atas pendapatan daripada aktiviti yang layak selama 10 tahun selepas tamat tempoh pengecualian cukai;
 - ii. syarikat atau individu yang melabur dalam syarikat bionexus diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan bagi pembiayaan dalam bentuk *seed capital* dan *early stage*;
 - iii. syarikat bionexus yang melakukan penggabungan dan pengambilalihan dengan syarikat bioteknologi diberi pengecualian duti setem dan cukai keuntungan harta tanah dalam tempoh 5 tahun sehingga 31 Disember 2011; dan
 - iv. bangunan yang digunakan semata-mata untuk tujuan aktiviti penyelidikan bioteknologi diberi Elaun Bangunan Industri selama 10 tahun.

Permohonan untuk mendapat galakan cukai ini akan dinilai oleh satu Jawatankuasa di bawah Perbadanan Bioteknologi Malaysia Sdn. Bhd. dan diperakukan untuk kelulusan oleh Menteri Kewangan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 2 September 2006.

**KAJIAN SEMULA GALAKAN CUKAI
BAGI PEMBELIAN KOMPUTER**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pembayar cukai individu layak mendapat rebat cukai sebanyak RM500 ke atas pembelian komputer. Rebate ini layak dituntut sekali setiap 5 tahun bagi sebuah keluarga.

Cadangan

Bagi menggalakkan individu memiliki komputer, adalah dicadangkan:

- i. rebat cukai sebanyak RM500 diubah kepada pelepasan cukai sehingga RM3,000;
- ii. pelepasan cukai diberi sekali bagi setiap 3 tahun (berbanding sekali bagi setiap 5 tahun sebelum ini);
- iii. dalam kes taksiran berasingan, setiap individu pembayar cukai layak mendapat pelepasan cukai (berbanding berasaskan sebuah keluarga sebelum ini); dan
- iv. dalam kes taksiran bersama, perbelanjaan pembelian komputer dianggap dilakukan oleh pasangan yang membayar cukai.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

**MENAMBAH BAIK GALAKAN UNTUK
MEMPROMOSI JENAMA MALAYSIA**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat yang melakukan perbelanjaan pengiklanan dalam negeri bagi mempromosi jenama Malaysia layak menuntut galakan potongan dua kali bagi maksud cukai pendapatan. Galakan ini layak diberi kepada syarikat yang memenuhi kriteria berikut:

- i. syarikat hendaklah diperbadankan di Malaysia dan sekurang-kurangnya 70% modal saham syarikat itu dimiliki oleh rakyat Malaysia;
- ii. syarikat adalah pemilik berdaftar jenama Malaysia yang digunakan dalam iklan itu; dan
- iii. barangan jenama Malaysia itu bermutu eksport.

Oleh itu, syarikat dalam kumpulan yang sama yang bukan pemilik jenama tetapi melakukan perbelanjaan pengiklanan tidak layak mendapat potongan cukai.

Cadangan

Sebagai usaha berterusan untuk mempromosi jenama Malaysia, adalah dicadangkan potongan dua kali ke atas perbelanjaan pengiklanan jenama Malaysia diperluaskan kepada syarikat dalam kumpulan yang sama yang melakukan perbelanjaan pengiklanan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- i. syarikat berkenaan hendaklah dimiliki lebih daripada 50% oleh syarikat pemilik berdaftar jenama Malaysia; dan
- ii. potongan hanya boleh dituntut oleh satu syarikat dalam satu-satu tahun taksiran.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

LAMPIRAN 14

PENGEQUALIAN CUKAI PENDAPATAN BAGI PERNIAGAAN PERBANKAN ISLAM DAN TAKAFUL

Kedudukan Semasa

Selaras dengan usaha membangunkan Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa, Kerajaan membenarkan perniagaan perbankan Islam dan takaful dalam mata wang asing dilakukan di mana-mana sahaja di Malaysia. Walau bagaimanapun, pada masa ini aktiviti tersebut tidak diberi apa-apa galakan cukai.

Cadangan

Bagi memperluaskan rangkaian pasaran kewangan Islam global melalui peningkatan perniagaan perbankan Islam dan takaful, adalah dicadangkan pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya selama 10 tahun di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 diberi kepada:

- i. bank Islam dan unit perbankan Islam yang dilesenkan di bawah Akta Perbankan Islam 1983 ke atas pendapatan yang diterima daripada perniagaan perbankan Islam dalam mata wang asing termasuk transaksi dengan pemastautin Malaysia; dan
- ii. syarikat takaful dan unit takaful yang dilesenkan di bawah Akta Takaful 1984 ke atas pendapatan yang diterima daripada perniagaan takaful dalam mata wang asing termasuk transaksi dengan pemastautin Malaysia.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007 hingga tahun taksiran 2016.

LAMPIRAN 15

PENGECUALIAN DUTI SETEM KE ATAS SURAT CARA PEMBIAYAAN ISLAM

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, selaras dengan dasar Kerajaan untuk mewujudkan *tax neutrality* antara produk pembiayaan Islam dan konvensional, surat cara tambahan yang perlu disempurnakan bagi mematuhi prinsip Islam telah diberi pengecualian duti setem.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan lagi pembangunan sektor kewangan Islam, adalah dicadangkan pengecualian 20% duti setem diberi ke atas surat cara yang terlibat dalam pembiayaan Islam untuk tempoh 3 tahun. Pengecualian ini diberi selepas duti setem dikecualikan bagi tujuan *tax neutrality*.

Galakan ini tertakluk kepada produk kewangan Islam berkenaan diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia atau Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 2 September 2006 hingga 31 Disember 2009.

**PENGECUALIAN CUKAI BAGI SYARIKAT
YANG MENGURUS DANA ISLAM ASING**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat tempatan dan asing yang dilesenkan oleh Suruhanjaya Sekuriti di bawah taraf Pengurusan Dana Asing Yang Diluluskan bagi mengurus dana pelabur asing dikenakan cukai pendapatan pada kadar konsesi 10% ke atas fi pengurusan yang diterima daripada pelabur asing.

Cadangan

Bagi terus mempromosi aktiviti pengurusan dana Islam asing, adalah dicadangkan pengurus dana tempatan dan asing diberi pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya selama 10 tahun ke atas fi pengurusan bagi mengurus dana pelabur asing yang mengikut prinsip Shariah. Dana tersebut hendaklah diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007 hingga tahun taksiran 2016.

**MEMPERLUASKAN SKOP GALAKAN CUKAI
INDIVIDU BAGI PENDIDIKAN LANJUTAN**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pembayar cukai individu yang melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi tempatan dalam bidang sains, teknikal, vokasional, pembangunan kemahiran perindustrian, teknologi maklumat dan komunikasi, perakaunan dan undang-undang layak mendapat pelepasan sehingga RM5,000 setahun ke atas yuran pengajian.

Cadangan

Bagi menambah bilangan pakar dalam bidang kewangan Islam, adalah dicadangkan pelepasan ke atas yuran pengajian diperluaskan kepada kursus dalam bidang kewangan Islam yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atau

Suruhanjaya Sekuriti di institusi pengajian tinggi tempatan termasuk di *International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)*.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

LAMPIRAN 18

POTONGAN KE ATAS PERBELANJAAN MENUBUHKAN SYARIKAT BROKER SAHAM ISLAM

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, perbelanjaan yang dilakukan sebelum memulakan perniagaan termasuk bagi syarikat broker saham tidak dibenarkan sebagai potongan, manakala perbelanjaan modal bagi pembelian aset untuk digunakan dalam perniagaan dianggap dilakukan apabila perniagaan bermula dan dibenarkan dituntut sebagai elaun modal.

Cadangan

Bagi menyokong Agenda Nasional untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kewangan Islam, adalah dicadangkan perbelanjaan yang dilakukan sebelum memulakan perniagaan broker saham Islam dibenarkan sebagai potongan. Galakan ini tertakluk kepada syarat syarikat hendaklah memulakan perniagaan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh kelulusan Suruhanjaya Sekuriti.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Suruhanjaya Sekuriti mulai 2 September 2006 hingga 31 Disember 2009.

LAMPIRAN 19

LANJUTAN GALAKAN CUKAI KE ATAS PENERBITAN PRODUK ISLAM

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, perbelanjaan bagi menerbitkan sekuriti Islam yang berasaskan pajakan (Ijarah), jualan progresif (Istisna'), perkongsian keuntungan (Mudharabah) atau perkongsian keuntungan dan kerugian (Musyarakah) dibenarkan sebagai potongan. Galakan cukai ini diberi sehingga tahun taksiran 2007.

Cadangan

Untuk memastikan sekuriti Islam lebih kompetitif, adalah dicadangkan potongan ke atas perbelanjaan bagi menerbitkan sekuriti Islam berasaskan Ijarah, Istisna', Mudharabah dan Musyarakah dilanjutkan 3 tahun lagi. Galakan ini juga diperluaskan kepada semua produk sekuriti Islam yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2008 hingga tahun taksiran 2010.

LAMPIRAN 20

KAJIAN SEMULA LAYANAN CUKAI KE ATAS *SPECIAL PURPOSE VEHICLE* BAGI PEMBIAYAAN SECARA ISLAM

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, bagi mendapat pembiayaan melalui pasaran modal Islam, syarikat perlu menubuhkan sebuah syarikat sebagai *Special Purpose Vehicle* (SPV) semata-mata untuk menyalurkan dana. Sebagai sebuah syarikat, SPV tertakluk kepada cukai pendapatan dan perlu mematuhi semua keperluan pentadbiran di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

Cadangan

Bagi mempromosi Malaysia sebagai hab pasaran modal Islam dan memandangkan SPV ditubuhkan semata-mata untuk menyalurkan dana, adalah dicadangkan:

- i. SPV tidak dikenakan cukai pendapatan dan dengan itu tidak perlu mematuhi prosedur pentadbiran di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967; dan
- ii. syarikat yang menubuhkan SPV diberi potongan ke atas kos terbitan bon Islam yang dilakukan oleh SPV. Pendapatan yang diterima oleh SPV dianggap sebagai pendapatan syarikat yang menubuhkan SPV dan dikenakan cukai pendapatan.

Galakan ini diberi dengan syarat SPV tersebut ditubuhkan semata-mata untuk menyalurkan dana bagi tujuan pembiayaan secara Islam yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

**MEMPERLUASKAN SKOP GALAKAN CUKAI
KE ATAS INSTITUSI KEWANGAN**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pendapatan faedah yang diterima oleh bukan pemastautin daripada institusi perbankan dan kewangan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan 1989 adalah dikecualikan cukai. Walau bagaimanapun, keuntungan atau pendapatan faedah yang diterima oleh bukan pemastautin daripada institusi perbankan dan kewangan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbankan Islam 1983 atau institusi kewangan lain dikenakan cukai.

Cadangan

Bagi menarik lebih banyak aliran dana dari luar negara dan menyeragamkan layanan cukai ke atas keuntungan atau pendapatan faedah bagi semua institusi kewangan, adalah dicadangkan keuntungan atau pendapatan faedah yang diterima oleh bukan pemastautin daripada institusi kewangan yang ditubuhkan di bawah Akta Perbankan Islam 1983 dan institusi kewangan lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan dikecualikan cukai.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 2 September 2006.

**KAJIAN SEMULA GALAKAN BAGI
AMANAH PELABURAN HARTANAH**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, galakan cukai berkaitan dengan Amanah Pelaburan Hartanah (REIT) adalah seperti berikut:

- i. pengecualian cukai keuntungan harta tanah ke atas keuntungan daripada pelupusan hartanah oleh individu atau syarikat kepada REIT;
- ii. pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik hartanah daripada individu atau syarikat kepada REIT;

- iii. pengecualian cukai ke atas jumlah pendapatan REIT yang diagihkan kepada pemegang unit;
- iv. pengenaan cukai kepada pemegang unit mengikut kadar cukai masing-masing ke atas pendapatan yang diagihkan oleh REIT. Bagi pemegang unit bukan pemastautin, kadar cukai yang dikenakan adalah 28% dan dibayar melalui kaedah cukai pegangan oleh REIT;
- v. kredit cukai diberi kepada pemegang unit ke atas pendapatan terkumpul yang telah dikenakan cukai di peringkat REIT dan seterusnya diagihkan kepada pemegang unit; dan
- vi. potongan diberi ke atas perbelanjaan fi perunding, perkhidmatan guaman dan penilaian bagi penubuhan REIT.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan pembangunan REIT di Malaysia dan menarik pelaburan khususnya dana dari Asia Barat, adalah dicadangkan:

- i. pelabur bukan syarikat khususnya individu pemastautin dan bukan pemastautin serta entiti tempatan lain yang menerima dividen dari REIT tersenarai di Bursa Malaysia dikenakan cukai pegangan muktamad 15% selama 5 tahun;
- ii. pelabur institusi asing khususnya dana pencen dan dana pelaburan berkumpulan yang menerima dividen dari REIT tersenarai di Bursa Malaysia dikenakan cukai pegangan muktamad pada kadar 20% selama 5 tahun;
- iii. pelabur yang merupakan syarikat tempatan dan asing dikenakan cukai berdasarkan layanan dan kadar cukai sedia ada;
- iv. REIT dikecualikan cukai ke atas semua pendapatan dengan syarat sekurang-kurangnya 90% dari jumlah pendapatan diagihkan kepada pelabur; dan
- v. jika syarat pengagihan 90% tidak dipenuhi, maka REIT akan tertakluk kepada cukai pendapatan, sementara semua pelaburnya layak menuntut kredit cukai.

Cadangan (i) dan (ii) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007 dan cadangan (iv) dan (v) berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

**GALAKAN BAGI BANK MENUBUHKAN
OPERASI DI LUAR NEGARA**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, bank dikenakan cukai berdasarkan pendapatan dunia (dari mana jua pendapatan diperoleh). Dengan itu, pendapatan dari cawangan luar negara atau pendapatan dari subsidiari luar negara yang diremit tertakluk kepada cukai pendapatan di Malaysia. Walau bagaimanapun, cukai yang ditanggung oleh cawangan atau subsidiari luar negara layak mendapat pelepasan cukai dua kali.

Cadangan

Bagi menggalakkan bank Malaysia milik rakyat tempatan memperluaskan operasi di luar negara, adalah dicadangkan keuntungan daripada cawangan baru luar negara atau pendapatan yang diremit oleh subsidiari baru luar negara dikecualikan cukai pendapatan selama 5 tahun. Galakan ini tertakluk kepada syarat cawangan atau subsidiari tersebut hendaklah memulakan operasinya dalam tempoh 2 tahun dari tarikh kelulusan Bank Negara Malaysia.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 2 September 2006 sehingga 31 Disember 2009.

**LANJUTAN TEMPOH GALAKAN UNTUK
PENGUSAHA PELANCONGAN**

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pengusaha pelancongan diberi galakan seperti berikut:

- i. pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan pengendalian pakej pelancongan domestik dengan sekurang-kurangnya 500 pelancong asing setahun; dan/atau
- ii. pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperoleh daripada perniagaan pengendalian pakej pelancongan domestik dengan sekurang-kurangnya 1,200 pelancong tempatan setahun.

Pengecualian di atas diberi sehingga tahun taksiran 2006.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan industri pelancongan negara, adalah dicadangkan pengecualian cukai pendapatan bagi pengusaha pelancongan yang mengendalikan sekurang-kurangnya 500 pelancong luar negara atau 1,200 pelancong domestik setahun dilanjutkan 5 tahun lagi sehingga tahun taksiran 2011.

LAMPIRAN 25

GALAKAN TAMBAHAN UNTUK PENGUSAHA PELANCONGAN

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pengusaha pelancongan diberi pengecualian duti eksais sepenuhnya ke atas kereta nasional yang digunakan sebagai kereta sewa pandu.

Cadangan

Bagi memudahkan pelancong menerokai destinasi yang mencabar, adalah dicadangkan pengusaha pelancongan diberi pengecualian 50% duti eksais ke atas kenderaan pacuan empat roda yang dipasang dalam negara.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 2 September 2006.

LAMPIRAN 26

MENAMBAH BAIK LAYANAN CUKAI KE ATAS PERCUTIAN DALAM NEGARA

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, manfaat berupa barangan yang diterima oleh pekerja merupakan pendapatan dan tertakluk kepada cukai. Manfaat tersebut termasuk perbelanjaan percutian bagi pekerja dan ahli keluarga terdekatnya. Tambang perjalanan bagi 3 kali setahun percutian dalam negara dan sekali setahun di luar negara dikecualikan cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, perbelanjaan penginapan dan makanan tidak dikecualikan.

Cadangan

Bagi menggalakkan lagi pelancongan tempatan, adalah dicadangkan pengecualian cukai ke atas percutian dalam negara yang kini diberi hanya ke atas tambang perjalanan diperluaskan kepada perbelanjaan penginapan dan makanan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

LAMPIRAN 27

LAYANAN CUKAI KHAS BAGI PERNIAGAAN PEMAJUAN HARTA DAN KONTRAK PEMBINAAN

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pendapatan kasar dan pendapatan larasan daripada suatu perniagaan pemajuan harta dan kontrak pembinaan adalah ditentukan berdasarkan kepada kaedah peratusan siap berpandukan kepada peraturan yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah mengikut peruntukan am Akta Cukai Pendapatan 1967. Peraturan tersebut adalah seperti dalam Ketetapan Umum No. 3/2006.

Cadangan

Untuk memberi kepastian dalam layanan cukai berhubung dengan pengiraan pendapatan kasar dan pendapatan larasan daripada perniagaan pemajuan harta dan kontrak pembinaan, adalah dicadangkan bahawa peraturan khas digubal dan diwartakan dengan tujuan untuk memasukkan perniagaan pemajuan harta dan kontrak pembinaan di bawah bidang kuasa perenggan 36(a)(iv) Akta Cukai Pendapatan 1967. Ciri-ciri utama peraturan adalah seperti berikut :

- i. Pengiktirafan pendapatan
Pendapatan kasar daripada perniagaan pemajuan harta atau kontrak pembinaan untuk suatu tempoh asas untuk suatu tahun taksiran hendaklah ditentukan dengan menggunakan kaedah peratusan siap;
- ii. Tarikh perniagaan bermula
Tarikh tertentu yang ditetapkan sebagai tarikh perniagaan bermula bagi perniagaan pemajuan harta atau kontrak pembinaan termasuk suatu tarikh berdasarkan kepada keadaan dan fakta tertentu yang boleh diterima oleh Ketua Pengarah;

- iii. Tarikh projek atau kontrak siap

Satu projek pemajuan harta dianggap siap apabila tarikh ketika mana Perakuan Layak Menduduki Sementara telah dikeluarkan atau tarikh ketika mana Perakuan Layak Menduduki dikeluarkan, yang mana terpakai. Dalam kes kontrak pembinaan, satu kontrak dianggap siap apabila tarikh ketika mana Sijil Penyelesaian Praktikal dikeluarkan atau di mana tiada Sijil sedemikian dikeluarkan, ianya adalah tarikh ketika mana kerja kontrak telah disiapkan pada dasarnya, yang mana lebih awal;
- iv. Semakan semula anggaran

Semakan semula ke atas anggaran keuntungan kasar daripada satu projek pemajuan harta atau kontrak pembinaan boleh dibenarkan jika terdapat pertambahan dalam kos pemajuan atau pembinaan disebabkan oleh peningkatan dalam kos bahan atau satu pengurangan dalam harga jualan atau jumlah kontrak atau sebab komersil lain yang boleh diterima oleh Ketua Pengarah;
- v. Potongan perbelanjaan yang dilakukan semasa tempoh liabiliti kecacatan atau jaminan

Perbelanjaan yang dilakukan semasa tempoh liabiliti kecacatan atau jaminan dibenarkan terhadap pendapatan untuk tahun taksiran dalam mana perbelanjaan tersebut dilakukan atau dibawa ke hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya. Walau bagaimanapun, pemaju harta atau kontraktor pembinaan boleh membuat pilihan untuk membawa ke belakang perbelanjaan tersebut ke tempoh asas bagi tahun taksiran dalam mana projek atau kontrak siap. Jika pendapatan dalam tahun projek atau kontrak siap tidak mencukupi untuk menyerap keseluruhan perbelanjaan yang dilakukan, lebih perbelanjaan tersebut dibenarkan dibawa ke belakang untuk ditolak daripada pendapatan bagi tahun-tahun taksiran sebelumnya untuk tempoh projek atau kontrak. Opsyen untuk membuat pilihan diberi kepada pemaju harta atau kontraktor pembinaan untuk setiap tahun taksiran bagi tempoh liabiliti kecacatan atau jaminan; dan
- vi. Akaun muktamad

Pada pengemukaan akaun muktamad apabila projek atau kontrak siap:

 - a. apa-apa pendapatan daripada satu projek atau kontrak yang belum dimasukkan dalam pendapatan kasar hendaklah diambil kira dalam pendapatan kasar bagi tempoh asas untuk tahun taksiran dalam mana projek atau kontrak tersebut siap;

- b. apa-apa kerugian yang ditentukan boleh diagihkan kepada setiap tahun taksiran untuk sepanjang tempoh projek atau kontrak dengan menggunakan kaedah peratusan siap; dan
- c. di mana keuntungan kasar sebenar adalah kurang daripada jumlah keuntungan kasar yang dianggarkan, pemaju harta atau kontraktor pembinaan boleh menyemak semula taksiran bagi tahun taksiran yang sebelum tahun di mana projek atau kontrak siap. Walau bagaimanapun, pemaju harta atau kontraktor pembinaan boleh membuat pilihan untuk menyemak semula semua taksiran yang berkaitan dengan mengagihkan pendapatan kasar sebenar kepada setiap tahun taksiran untuk sepanjang tempoh projek atau kontrak dengan menggunakan kaedah peratusan siap.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2006.

LAMPIRAN 28

KAJIAN SEMULA PELEPASAN CUKAI BAGI PEMBELIAN BUKU

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pembayar cukai individu layak mendapat pelepasan cukai sehingga RM700 setahun ke atas perbelanjaan membeli buku.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan budaya membaca dan mempromosikan pembelajaran sepanjang hayat, adalah dicadangkan pelepasan cukai ke atas perbelanjaan membeli buku dinaikkan daripada RM700 kepada RM1,000 setahun.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

MEMPERLUASKAN SKOP GALAKAN UNTUK SKIM LATIHAN GRADUAN PASARAN MODAL

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat tersenarai di Bursa Malaysia yang menyertai Skim Latihan Graduan Pasaran Modal Suruhanjaya Sekuriti (SC), mulai 1 Oktober 2005 hingga 31 Disember 2008, layak mendapat potongan dua kali ke atas elaun yang dibayar kepada peserta. Potongan ini dibenarkan bagi tempoh 3 tahun dari tarikh skim tersebut bermula.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan sektor swasta membantu meningkatkan *employability* siswazah menganggur, adalah dicadangkan potongan dua kali yang diberi ke atas elaun yang dibayar kepada peserta Skim Latihan Graduan Pasaran Modal SC diperluaskan kepada syarikat tidak tersenarai di bawah kawalan SC. Semua syarikat tersenarai dan tidak tersenarai di bawah kawalan SC, juga layak mendapat potongan dua kali bagi skim latihan graduan yang dijalankan oleh syarikat secara dalaman, yang telah disahkan oleh SC. Galakan ini bermula dari 2 September 2006 hingga 31 Disember 2008 dan potongan dibenarkan bagi tempoh 3 tahun dari tarikh skim tersebut bermula.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 2 September 2006.

MEMPERLUASKAN KAWASAN DIGALAKKAN

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, kawasan digalakkan adalah Koridor Timur Semenanjung Malaysia yang merangkumi Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor serta Sabah dan Sarawak.

Syarikat yang ditempatkan di kawasan yang digalakkan layak mendapat galakan berikut:

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan statutori selama 5 tahun; atau

- ii. Elaun Cukai Pelaburan 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dilakukan dalam tempoh 5 tahun. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran:

dengan syarat syarikat menjalankan aktiviti atau mengeluarkan produk yang digalakkan;
- iii. Elaun Infrastruktur 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dalam menyediakan infrastruktur seperti jambatan, jalan raya dan pelabuhan. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran; dan
- iv. Elaun Pelaburan Semula sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan bagi projek perkilangan dan pertanian terpilih. Elaun ini boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan statutori bagi setiap tahun taksiran.

Cadangan

Sebagai langkah memperbaiki iklim pelaburan di negeri Perlis, adalah dicadangkan Perlis diiktiraf sebagai kawasan yang digalakkan. Syarikat yang menjalankan aktiviti yang digalakkan atau mengeluarkan produk yang digalakkan di negeri tersebut layak menikmati galakan yang lebih baik seperti yang diberi kepada kawasan digalakkan.

Cadangan ini berkuat kuasa bagi permohonan yang diterima oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) mulai 2 September 2006.

LAMPIRAN 31

MENINGKATKAN HAD DAN MEMPERLUASKAN SKOP POTONGAN CUKAI KE ATAS SUMBANGAN BAGI AKTIVITI KEBAJIKAN

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat yang memberi sumbangan dalam bentuk wang kepada institusi, organisasi atau tabung yang diluluskan bagi tujuan kebajikan layak diberi potongan sehingga 5% daripada pendapatan agregat syarikat di bawah Seksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967.

Walau bagaimanapun, sumbangan seumpamanya yang dibuat oleh syarikat bagi aktiviti kesukanan tidak diberi potongan.

Cadangan

Untuk terus menggalakkan syarikat menyertai program tanggung jawab sosial korporat, adalah dicadangkan had potongan cukai ke atas sumbangan oleh syarikat bagi aktiviti kebajikan ditingkatkan daripada 5% kepada 7% daripada pendapatan agregat.

Di samping itu, bagi menyokong usaha Kerajaan meningkatkan pencapaian sukan, adalah dicadangkan potongan ini juga diperluaskan kepada sumbangan yang dibuat oleh syarikat untuk aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan dan badan sukan yang diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan.

Potongan ini tertakluk kepada syarat jumlah kedua-dua jenis sumbangan tersebut tidak melebihi 7% daripada pendapatan agregat syarikat.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

LAMPIRAN 32

LAYANAN CUKAI KE ATAS PERKUISIT

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, perkuisit atau manfaat dalam bentuk tunai atau barangan seperti anugerah perkhidmatan lama dan perkhidmatan cemerlang yang diterima oleh pekerja daripada majikan merupakan pendapatan dan tertakluk kepada cukai.

Cadangan

Bagi menghargai perkhidmatan dan sumbangan pekerja, adalah dicadangkan pengecualian cukai diberi ke atas anugerah perkhidmatan yang diterima oleh pekerja ke atas pemberian tunai atau barangan yang tidak melebihi RM1,000 setahun. Contoh anugerah adalah anugerah perkhidmatan lama, *safety award* dan anugerah perkhidmatan cemerlang. Bagi pemberian yang melebihi RM1,000, hanya baki akan dikenakan cukai.

Bagi tujuan pengecualian ini, anugerah perkhidmatan:

- i. tidak boleh disamarkan sebagai gaji;
- ii. hendaklah dianugerahkan sebagai sebahagian sumbangan yang bermakna kepada organisasi;

iii. tidak diberi secara kerap kepada pekerja yang sama.

Bagi anugerah perkhidmatan lama, ia diberi kepada pekerja yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun dengan majikan yang sama.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

LAMPIRAN 33

KAJIAN SEMULA DUTI EKSAIS KE ATAS ROKOK, PRODUK TEMBAKAU DAN MINUMAN KERAS

Kedudukan semasa

Pada masa ini, duti eksais ke atas rokok, produk tembakau dan minuman keras yang kandungan alkoholnya melebihi 40% adalah seperti berikut:

Produk	Duti Eksais
Rokok, cerut, <i>cigars</i> dan <i>cigarillos</i>	RM110.00/kg + 20% atau 11 sen/batang + 20%
Produk tembakau	RM14.00/kg - RM25.00/kg + 5%
<i>Beedies</i>	RM7.00/kg + 5%

Produk	Duti Eksais
<i>Brandy, whisky, gin, vodka</i> dan <i>rum</i>	RM25.00/liter + 15%

Cadangan

Bagi menggalakkan gaya hidup sihat, adalah dicadangkan duti eksais spesifik ke atas rokok, produk tembakau dan minuman keras yang kandungan alkoholnya melebihi 40% dinaikkan. Butir-butir lanjut mengenai cadangan adalah seperti berikut:

Rokok dan Barangan Tembakau

KOD TARIF	DESKRIPSI	DUTI EKSAIS	
		Kadar Semasa (RM)	Kadar Dicadang (RM)
24.02	Cigars, cheroots, cigarillos and cigarettes, of tobacco or of tobacco substitutes.		
2402.10	000 - Cigars, cheroots and cigarillos, containing tobacco	110.00/kg + 20%	120.00/kg + 20%
2402.20	- Cigarettes containing tobacco:		
	100 Beedies	7.00/kg + 5%	7.50/kg + 5%
	900 Other	0.11/btg + 20%	0.12 /btg + 20%
2402.90	- Other:		
	100 Cigars, cheroots and cigarillos, containing tobacco substitutes	110.00/kg + 20%	120.00/kg + 20%
	200 Cigarettes containing tobacco substitutes	0.11/btg + 20%	0.12 /btg + 20%
24.03	Other manufactured tobacco and manufactured tobacco substitutes; "homogenised" or "reconstituted" tobacco; tobacco extracts and essences.		
2403.10	- Smoking tobacco, whether or not containing tobacco substitutes in any proportion:		
	Packed for retail sale:		
	110 In airtight containers	25.00/kg + 5%	27.00/kg + 5%
	190 Other	25.00/kg + 5%	27.00/kg + 5%
	900 Other	14.00/kg + 5%	15.00/kg + 5%
	- Other:		
2403.91	- - "Homogenised" or "reconstituted" tobacco:		
	100 For retail sale	25.00/kg + 5%	27.00/kg + 5%
2403.99	- - Other		
	200 Snuff	25.00/kg + 5%	27.00/kg + 5%

Minuman Keras Yang Kandungan Alkoholnya Melebihi 40%

TARIFF CODE	DESCRIPTION	EXCISE DUTY	
		Current Rate (RM)	Proposed Rate (RM)
22.08	Undenatured ethyl alcohol of an alcoholic strength by volume of less than 80% vol; spirit, liqueurs and other spirituous beverages.		
2208.20	- Spirits obtained by distilling grape wine or grape marc:		
100	Brandy	25.00/litre + 15%	30.00/litre + 15%
900	Other	25.00/litre + 15%	30.00/litre + 15%
2208.30 000	- Whiskies	25.00/litre + 15%	30.00/litre + 15%
2208.40 000	- Rum and tafia	25.00/litre +15%	30.00/litre + 15%
2208.50 000	- Gin and Geneva	25.00/litre + 15%	30.00/litre + 15%
2208.60 000	- Vodka	25.00/litre + 15%	30.00/litre + 15%

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 4.00 petang, 1 September 2006.

LAMPIRAN 34

MENAMBAHBAIK GALAKAN BAGI MENAJA PERSEMBAHAN KESENIAN DAN KEBUDAYAAN

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, syarikat yang menaja persembahan kesenian dan kebudayaan dalam dan luar negara yang diluluskan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan diberi potongan cukai ke atas perbelanjaan penajaan sehingga RM300,000 setahun. Walau bagaimanapun, potongan bagi perbelanjaan menaja persembahan dari luar negara dihadkan sehingga RM200,000 setahun.

Cadangan

Bagi terus menggalakkan sektor swasta menaja persembahan dan pertunjukan kesenian, kebudayaan dan warisan tempatan, adalah dicadangkan potongan bagi penajaan persembahan dan pertunjukan tersebut ditingkatkan sehingga RM500,000 setahun. Walau bagaimanapun, had potongan yang dibenarkan bagi persembahan dan pertunjukan luar negara sehingga RM200,000 setahun dikekalkan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.

LAMPIRAN 35

LAYANAN CUKAI KE ATAS BAYARAN SEWA KAPAL

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, bayaran sewa kepada bukan pemastautin di bawah suatu perjanjian penyertaan berkumpulan (*pool*) oleh syarikat perkapalan bermastautin di Malaysia yang menjalankan perniagaan pengangkutan penumpang atau kargo dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Cadangan

Bagi terus membantu pertumbuhan industri perkapalan negara, adalah dicadangkan bayaran sewa kapal mengikut perjalanan, masa atau kapal kosong kepada bukan pemastautin oleh syarikat perkapalan bermastautin di Malaysia dikecualikan daripada cukai pendapatan.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai 2 September 2006.

LAMPIRAN 36

PENGECEUALIAN CUKAI PENDAPATAN KEPADA ANAK KAPAL YANG BERKHIDMAT DI ATAS KAPAL ASING

Kedudukan Semasa

Pada masa ini, pendapatan anak kapal yang berkhidmat di atas *kapal Malaysia* diberi pengecualian cukai. Bagi maksud ini, *kapal Malaysia* ditakrifkan sebagai kapal yang membuat pelayaran laut antarabangsa dan didaftarkan di

bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 dan tidak termasuk feri, *barge*, *tug-boat*, *supply vessel*, *crew boat*, *lighter*, *dredger*, *fishing boat* atau kapal lain yang serupa.

Walau bagaimanapun, pendapatan anak kapal yang berkhidmat dengan syarikat perkapalan Malaysia di atas kapal yang disewa dari syarikat asing tidak diberi pengecualian cukai.

Cadangan

Bagi menyamakan layanan cukai, adalah dicadangkan pendapatan anak kapal yang berkhidmat dengan syarikat perkapalan Malaysia di atas kapal asing yang disewa oleh majikannya diberi pengecualian cukai.

Cadangan ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2007.